

# KABINET BARU MULA TUGAS MINGGU DEPAN

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Anggota-anggota Kabinet yang baru dilantik atau ditukarkan ke Kementerian lain akan mula berpindah ke pejabat-pejabat baru mereka minggu depan.

Para Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang berkenaan akan berpindah ke pejabat-pejabat baru mereka selewat-lewatnya Selasa depan.

Urusan mengemaskan barang-barang telahpun bermula bagi setengah-setengah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Datin Paduka Rosemary Chong, yang dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri Kebudayaan, Bella dan S u k a n s e l e s a i "berkemas."

Belliau dijangka berpindah dari pejabat lamanya di Kementerian Kesihatan ke pejabat Kementerian barunya Selasa ini.

Sementara itu, anggota-anggota Kabinet yang berkenaan dijangka mengadakan upacara perpisahan dengan kakitangan mereka pagi Selasa.

Bekas Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin, yang ditukarkan ke Jabatan Perdana Menteri akan menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi satu majlis taklimat Isnin ini.

Pejabat lamanya di Bangunan Bank Rakyat telahpun dikosongkan.

Kakitangan beliau ketika dihubungi hari ini berkata, mereka sedang mengemaskan barang-barang kepunyaan Datuk Haji Suhaimi.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan yang baru, Encik Muhyiddin Mohamed Yassin, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, dijangka mengam-

bil masa kira-kira seminggu untuk berpindah ke pejabat barunya di Wisma PKNS, Jalan Raja Laut.

Seorang lagi bekas Setiausaha Parlimen yang dinaikkan pangkat Timbalan Menteri ialah Encik Luhut Wan.

Proses penyesuaian diri di dalam portfolio barunya di Kementerian Pertanian dijangka bermula kira-kira jam 10 pagi Selasa atau Rabu ini.

Manakala Datuk Chan Siang Sun, yang akan berpindah ke Kementerian Penerangan sedang menunggu "pihak di Angkasapuri" untuk menyelesaikan urusan mengemas barang-barang.

Belliau dijadualkan berpindah ke Angkasapuri selewat-lewatnya Selasa ini.

## Kereta pekedai dilari

**SEREMBAN, Jumaat** — Seorang pekedai makanan, D. Ramasamy yang meninggalkan keretanya kira-kira lima minit untuk menghadihkan sejambak bunga kepada Kuil Hindu di Jalan Paul di sini petang semalam mendapati keretanya dilarikan oleh seorang lelaki.

Ramasamy, 37, meletakkan keretanya dekat pintu masuk Kuil Mariamman kira-kira pukul 6.40 petang tanpa mengambil kunci keretanya, kata seorang jurucakap polis di sini hari ini.

Selepas menghadihkan bunga tersebut pekedai itu berlari kembali ke keretanya apabila ia ternampak seorang lelaki berada di dalamnya.